



## LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

### PEKELILING CIDB-BIL.1/2024

## PENGENAAN KADAR YURAN BAHARU BAGI PROGRAM PENILAIAN DAN LATIHAN KOMPETENSI KEMAHIRAN PEMBINAAN TAHUN 2024

---

### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini disediakan bagi memaklumkan kepada semua pihak-pihak dalam industri pembinaan mengenai pengenaan kadar yuran baharu bagi Program Penilaian dan Latihan Kompetensi Kemahiran Pembinaan.

### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menerusi Akta 520, telah diperuntukan fungsi untuk mengakreditasi dan memperakukan penyelia tapak binaan dan pekerja binaan mahir.
- 2.2 Bagi tujuan ini, CIDB melaksanakan Program Latihan Kompetensi Kemahiran (LKK) Belia dan Personel Binaan serta Penilaian Kompetensi Kemahiran Pembinaan (PKK) yang melibatkan pelbagai tred kemahiran yang diperlukan oleh industri pembinaan.
- 2.3 Pekerja atau pelatih yang berjaya menamatkan latihan kemahiran dan lulus ujian penilaian akan diperakukan dengan Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) yang mengesahkan pemerakuan kemahiran mereka sepertimana yang telah diperuntukan di bawah Seksyen 33A. (1), Akta 520.
- 2.4 Dalam mempertingkatkan kemahiran industri pembinaan negara supaya boleh menyumbang ke arah peningkatan daya saing industri pada masa hadapan, CIDB melalui program pensijilan SKKP telah melalui fasa penambahbaikan dan penaiktarafan berdasarkan kepada Kerangka Kelayakan Kemahiran Pembinaan (CSQF) yang bertujuan untuk menyelaraskan pelbagai kelayakan TVET pembinaan dan mewujudkan laluan kerjaya bagi personel binaan.
- 2.5 Program ini juga telah mendapat pentauliahannya daripada Jabatan Standard Malaysia (DSM) bagi pensijilan ISO/IEC 17024:2012 yang mengiktiraf pemegang sijil sehingga ke peringkat antarabangsa.

### 3.0 PENGENAAN KADAR YURAN BAHARU

3.1 CIDB telah menetapkan pengenaan kadar yuran baharu dikenakan kepada peserta sebagai komitmen dan nilai tambah bagi pensijilan SKKP yang melibatkan kategori yuran proses dan yuran pensijilan.

3.2 Pengenaan kadar yuran adalah seperti berikut:

Bil.	Program	Yuran Proses (RM)	Yuran Pensijilan (RM)
1.	Latihan Kompetensi Kemahiran (LKK) Belia	50.00	200.00
2.	Latihan Kompetensi Kemahiran (LKK) Personel Binaan	-	200.00
3.	Penilaian Kompetensi Kemahiran (PKK)	-	200.00

**Jadual 1: Kadar Yuran**

3.3 Kadar yuran pensijilan akan dikenakan kepada peserta yang lulus penilaian sahaja. Kegagalan menjelaskan bayaran yuran pensijilan ini akan menyebabkan SKKP CIDB tidak dijana dan peserta tersebut tidak diperakukan sebagai kompeten dalam tred-tred yang dinilai.

### 4.0 TARIKH KUATKUASA

Pengenaan kadar yuran baharu bagi program ini berkuat kuasa pada **1 Januari 2024**.

### 5.0 PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 03-4047 7354 / 7344 / 7307 / 7308 @ e-bantuan:<http://www.cidb.gov.my/> e-bantuan.

**“BINA SEMPURNA”**



**(DATO' Sr. MOHD ZAID ZAKARIA D.P.S.K)**

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)